

46 kakitangan SPL sertai

program tanam buah-buahan

UB 26.4.2013 B16

SANDAKAN: Seramai 46 kakitangan dari Sekolah Pertanian Lestari (SPL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Sandakan telah menyertai program penanaman pokok buah-buahan di kawasan seluas kira-kira 11.2 ekar di Batu 10, Plo19, Sabtu lalu.

Program menanam 30 pokok buah-buahan daripada spesies terpilih itu turut disertai oleh pelajar-pelajar Tahun Tiga yang mengambil kursus Pomologi serta lapan kakitangan SPL di bawah Graduate Employability Management Scheme (GEMS) UMS.

Taklimat mengenai teknik atau kaedah penanaman pokok yang betul disampaikan oleh Prof Madya Haji Mohd Dandan Haji Alidin serta demonstrasi

penanaman pokok oleh kakitangan Unit Pentadbiran Ladang SPL.

Program yang julung kalinya diadakan di SPL ini dimulakan dengan simbolik penanaman pokok spesies mangga epal oleh Dekan SPL, Dr Sitti Raehanah Muhamad Shaleh.

Turut hadir Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi Dr Mohamdu Boyie Jalloh, Ketua Program Pengeluaran Tanaman HG34, Prof. Madya Dr Azwan Awang, Ketua Program Hortikultur dan Landskap HG35, Dr Jupikely James Silip, Ketua Program Pengeluaran Ternakan HG36, Dr Bonaventure Boniface, Penolong Pendaftar Kanan SPL, Roslan Gimba dan Pegawai Pertanian SPL, Hamdy Roslie.



SITTI Raehanah (tengah) bersama kakitangan SPL menanam buah-buahan di Batu 10, Sandakan.